

26 JUL 1997

JAS-Tanggung

JAS TIDAK LAYAN TAWARAN SELESAIKAN KES DI LUAR MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini menegaskan bahawa ia tidak akan melayan sebarang tawar-menawar di luar mahkamah bersabit akuan kesalahan dengan sesiapa yang dituduh melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Ketua Pengarahnya Tan Meng Leng dalam kenyataannya berkata setelah sesuatu kes difailkan di mahkamah, segala permohonan untuk menarik balik pertuduhan hanya boleh ditetapkan oleh Pendakwa Raya.

"JAS tidak mempunyai kuasa atau peranan dalam urusan itu, kami hanya bertanggungjawab mengenai penyiasatan dan pendakwaan terhadap tertuduh di mahkamah," kata beliau.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan yang disiarkan dalam beberapa akhbar tempatan hari ini yang menyebut bahawa peguambela kes pemaju perumahan, Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd akan memohon kepada JAS untuk menyelesaikan kes di luar mahkamah.

Ikatan Rapi didakwa di mahkamah pada 6 Jun lalu kerana gagal mematuhi laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dalam projek perumahan Ukay Perdana, Hulu Klang.

Ikatan Rapi yang diwakili Pengarah Suhaimy Husin didakwa atas tiga tuduhan tidak memberi bukti yang cukup kepada syarat nombor 9 mengenai bentuk muka bumi dan pokok kawasan sekitar, 11 mengenai penyenggaraan cerun dengan baik dan 12 mengenai sistem saliran untuk mendapat kelulusan laporan EIA.

Pendakwaan ke atas Ikatan Rapi dibuat selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat pembukaan tanah besar-besaran di Selangor.

Syarikat itu didakwa mengikut Seksyen 34 (A)(7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996) yang boleh membawa hukuman maksimum denda RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Semalam, Hakim Hue Siew Kheng menangguhkan perbicaraan kes itu kepada 8 Ogos ini selepas peguam yang mewakili Ikatan Rapi, Muhammad Shafie Abdullah, memohon tarikh sebutan lain selama tiga minggu kerana pihaknya memerlukan masa untuk berbincang dengan pendakwa. -- BERNAMA

WNZ AKD